KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	10.02.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JMG			

Tapak geowarisan tidak diselenggara

Debu gunung berapi 74,000 tahun terbiar

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID

KUALA NERANG – Penduduk Kampung Padang Nyior di Padang Sanai dekat sini menggesa pihak bertanggungawab menaik taraf kawasan peninggalan debu gunung berapi berusia 74,000 tahun di kampung berkenaan bagi menarik kehadiran pelancong.

Kawasan seluas 1.2 hektar tersebut telah diisytiharkan sebagai Tapak Terpelihara Geowarisan Kedah pada 2015 kini didakwa terbiar tanpa penyelenggaraan.

Seorang penduduk, Abd. Halim Jusoh, 73, berkata, tapak berkenaan mengandungi debu gunung berapi daripada letupan gunung berapi di Danau Toba, Sumatera di Indonesia.

"Lokasi ini telah diisytiharkan sebagai tapak terpelihara, namun sejak akhir-akhir ini terbiar kerana tidak diselenggara dengan baik.

"Tapak ini jadi sunyi dan semakin terpinggir. Papan tanda pun sudah pudar sehingga menyukarkan pengunjung untuk mencari kawasan ini," katanya di sini semalam.

Katanya, kerajaan sepatutnya membangunkan kawasan berkenaan secara terancang untuk menarik lebih ramai pelancong.

"Saya berharap kerajaan Pusat mahupun negeri dapat memikirkan langkah terbaik untuk menaik taraf kawasan ini dan mempromosikannya sebagai antara destinasi pelancongan menarik di Kedah," ujarnya yang merupakan pemilik kawasan debu gunung berapi itu.

Katanya lagi, dia juga sentiasa membersihkan kawasan sekitar debu gunung berapi itu bagi mengelak dipenuhi semak seterusnya membahayakan keselamatan pengunjung.



ABD HALIM menunjukkan debu gunung berapi berwarna kuning dan putih di Kampung Padang Nyior, Padang Terap semalam.

Penduduk lain, Ramli Osman, 56, berkata, debu gunung berapi itu mempunyai banyak khasiat antaranya melembutkan kulit dan mampu menghilangkan kegatalan.

Selain itu dakwanya, tumbuhan yang berada di kawasan itu subur dan berbuah sepanjang tahun.

"Ini tidak terjadi di kawasan lain dan ia terbukti apabila mempelam harum manis yang ditanam oleh penduduk sini sentiasa berbuah sepanjang tahun, begitu juga dengan pokok bunga," katanya.

Menurutnya, ternakan lembu juga suka datang ke kawasan itu dan menjilat debu berkenaan sehingga terhakis menyebabkan pemilik tanah terpaksa menutup kawasan tersebut.

Sementara itu, Pengurus Kedah Tourism Kedah, Azlan Fitri Abdul Razak ketika dihubungi berkata, pihaknya sedang mengusahakan promosi mengenai tapak geowarisan itu kepada umum sejak awal tahun ini.

"Justeru, saya berharap kerajaan negeri dapat menyediakan kemudahan lengkap untuk kemudahan pelancong di kawasan itu," tambahnya.